



Bahasa Melayu

Tingkatan
3
KSSM

SISTEM BAHASA

Arahān: Jawab semua soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

BAHAGIAN A Objektif Aneka Pilihan

Soalan 1 – 10

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1. Orang ramai berkerumun untuk menyaksikan _____ luar biasa penjual ubat itu.
A tabiat
B telatah
C ragam
D aksi
2. Abang mengawal perbelanjaannya setiap hari supaya tidak _____ wang pada hujung bulan.
A kecukupan
B ketiadaan
C kesempitan
D kecetekan
3. Danish tidak dibenarkan pulang _____ ibu bapanya belum menjemputnya.
A selagi
B sementara
C sewaktu
D supaya
4. _____ yang tidak menghadiri latihan sukan petang semalam, sila berjumpa dengan Cikgu Yusri.
A Bila-bila
B Mana-mana
C Siapa-siapa
D Apa-apa

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



5. Para pelancong itu _____ sungai dengan perahu sambil menikmati keindahan alam.
A melintasi
B mengharungi
C menyusuri
D menyeberangi
6. Pak Jamil _____ apabila isterinya yang berada di dapur meneriak namanya.
A tersentak
B terpukau
C tercengang
D termenung
7. Pak Akob meraut buluh sehingga _____ untuk dibawa ketika memburu di dalam hutan.
A tajam **C** pendek
B runcing **D** nipis
8. Banyak faedah yang diperoleh _____ amalan bergotong-royong dan bekerjasama.
A dalam
B dari
C terhadap
D daripada
9. Wartawan itu sentiasa membawa kamera _____ buku catatan ke mana-mana sahaja dia pergi.
A dan
B dengan **C** sambil
D seraya



10. Juruukur itu sedang _____ kawasan yang sesuai untuk dijadikan tapak rumah.
A menyusun atur **C** mengawal selia
B mengenal pasti **D** menentu arah

Soalan 11 – 15

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan **A**, **B** atau **C** dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan **D**.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

11. Saya minum teh tarik sambil menonton
A **B**
rancangan yang disiarkan melalui televisyen.
C

Tiada kesalahan.

D

12. Walaupun saya gagal, setidak-tidaknya saya telah
A
bermain-main dengan bermatian-matian untuk
B **C**
menjuarai pertandingan itu. Tiada kesalahan.
D

13. Encik Kumar berhasrat untuk memperbesarkan
A
perniagaannya dengan membuka cawangan di
B **C**
negeri Johor. Tiada kesalahan.
D

14. Ibu menjerang air lalu memasak nasi manakala
A **B**
kakak memotong sayur. Tiada kesalahan.
C **D**

15. Encik Azril menghadiah isterinya sebentuk cincin
A **B**
bersempena dengan ulang tahun perkahwinan
mereka yang kelima-lima. Tiada kesalahan.
C **D**

Soalan 16 – 20

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

16. I Pada *pengajaran* saya, budak-budak yang nakal patut dirotan.
II Jadikanlah kesilapan yang telah kamu lakukan sebagai *pengajaran*.

- III Sebelum memulakan *pengajaran*, guru seharusnya menarik perhatian murid-murid terhadap tajuk yang akan dibincangkan.
IV Asam rebus yang dimasak oleh Salwa sedap kerana dia menyediakannya berdasarkan *pengajaran* ibunya.
- A** I dan II sahaja **C** I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja **D** II, III dan IV sahaja
17. I Hubungan Zamarul dengan adiknya *tajam* kerana berebut harta.
II Penjual daging itu menggunakan pisau yang *tajam* untuk memudahkan kerjanya.
III Semua murid yang melanggar disiplin itu berasa takut apabila Cikgu Hasnan memandang mereka dengan pandangan yang *tajam*.
IV Gadis itu terpaksa membiarkan beg tangannya diambil kerana pemuda itu menghunus senjata *tajam*.
- A** I dan II sahaja **C** I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja **D** II, III dan IV sahaja
18. I Pak Ghani gembira apabila melihat semua pokok di dusunnya berbuah *lebat*.
II Rambutnya yang hitam dan *lebat* itu menyebabkan dia ditawarkan peluang untuk menjadi model dalam iklan syampu.
III Perlawanan bola jaring peringkat daerah kami ditangguhkan kerana hujan *lebat*.
IV Pengacara wanita yang bermulut *lebat* itu tidak henti-henti bercakap bagi murai dicabut ekor.
- A** I dan II sahaja **C** I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja **D** II, III dan IV sahaja
19. I Perahu nelayan itu *terumbang-ambing* akibat dilambung ombak.
II Pelajaran Nadia *terumbang-ambing* semenjak ibu bapanya berpisah.
III Lelaki tua itu kelihatan *terumbang-ambing* ketika berjalan di atas jeantas.
IV Penyanyi itu *terumbang-ambing* sewaktu menjawab soalan wartawan dalam bahasa Inggeris.
- A** I dan II sahaja **C** I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja **D** II, III dan IV sahaja
20. I Bunyi enjin kereta yang *kasar* itu memecah kesunyian malam.
II Kain songket yang dibeli oleh Anita murah kerana tenunannya *kasar*.
III Akibat terlalu kuat bekerja sejak muda, kedua-dua tapak tangan datuk *kasar*.
IV Tindakan *kasar* pemain bola sepak itu dalam perlawanan menyebabkan kad merah dilayangkan kepadanya.



- A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja

Soalan 21 – 25

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada **A**, **B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

21. Beratus ekor ikan dalam kolam itu telah hanyut ke laut dalam kejadian banjir pada minggu lepas.
A Beratus ekor ikan di dalam kolam
B Beratus-ratus ekor ikan di dalam kolam
C Beratus-ratus ekor ikan dalam kolam
D Beratus ekor ikan dalam kolam
22. Nur Iman menghadiahkan sebutir subang kepada adiknya semalam.
A menghadiahkan sepasang subang
B menghadiah sebutir subang
C menghadiah sepasang subang
D menghadiahkan sebutir subang
23. Penganjuran majlis rumah terbuka diakui boleh memberikan berbagai kebaikan kepada masyarakat.
A boleh memberikan pelbagai
B dapat memberikan berbagai
C dapat memberikan pelbagai
D boleh memberikan berbagai
24. Murid-murid itu menjalankan aktiviti PAK-21 mengikut kumpulan berpandukan kepada arahan guru.
A berpandu arahan
B berpandukan arahan
C berpandu pada arahan
D berpandukan kepada arahan
25. Anas menceritakan tentang pengalaman lucu yang pernah dialaminya kepada saya sambil ketawa terbahak-bahak.
A menceritakan pengalaman
B bercerita pengalaman
C berceritakan tentang pengalaman
D menceritakan tentang pengalaman

Soalan 26 – 30

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

26. I Kanak-kanak itu berkejar-kejaran di halaman rumah.
II Nurul disenangi oleh rakan-rakannya kerana sikapnya yang baik dan peramah.

- III Hadiah ini dibalut oleh saya sebelum diserahkan kepada Husna.
IV Keluarganya membatalkan hasrat mereka untuk berkelah oleh kerana hari hujan.
A I dan II sahaja **C** I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja **D** II, III dan IV sahaja
27. I Adik hanya tunduk bila ditanya oleh ibu tentang punca pasu bunga ibu pecah.
II Mereka saling bersalam-salaman sebelum berpisah di hujung jalan.
III Penganjuran pertandingan syarahan itu adalah untuk mencungkil bakat murid-murid.
IV Encik Fikri mengadakan majlis perkahwinan anak sulungnya secara kecil-kecilan.
A I dan II sahaja **C** I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja **D** II, III dan IV sahaja
28. I Luqman berjaya menyelesaikan tugasan itu dalam masa satu jam suku.
II Pulau Langkawi antara destinasi percutian yang terkenal di negara kita.
III Kerja memperdalam sungai itu memakan masa lebih daripada sebulan.
IV Hanya berapa orang penonton memberikan respons terhadap persembahan itu.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
29. I Kotak yang berisi buku itu terangkat oleh Farhan.
II Pemandu bas ekspres itu ditahan oleh polis kerana melakukan kesalahan lalu lintas.
III Tetamu kehormat itu melambai-lambaikan tangan pada hadirin sambil tersenyum.
IV Harga telefon bimbit ini sungguh amat mahal.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
30. I Warna kain rentang itu kuning-kuningan.
II Mak Timah sering terkenangkan anak angkatnya.
III Peragawati itu bukan sahaja cantik bahkan juga pandai bergaya.
IV Saya berdoa agar kamu memperoleh keputusan ujian yang cemerlang.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan II sahaja
D II, III dan IV sahaja



Soalan 31 – 35

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir** dengan ayat yang dicetak tebal.

31. Hukuman merupakan cara didikan lama dan tidak sesuai dipraktikkan oleh ibu bapa pada zaman yang moden ini.

- A Ibu bapa sekarang tidak mengenakan hukuman kepada anak-anak kerana tidak sesuai.
- B Pada zaman yang maju ini, ibu bapa tidak sesuai menggunakan hukuman dalam memberikan didikan kerana kaedah tersebut merupakan cara lama.
- C Oleh sebab hukuman dianggap kaedah mengajar yang paling lama, ibu bapa tidak digalakkan untuk mempraktikkannya kerana tidak sesuai.
- D Ibu bapa yang mengamalkan pendidikan cara lama, tidak sesuai mengenakan hukuman dalam mendidik anak-anak.

32. Selain berguna untuk kemudahan pengangkutan, sungai membekalkan sumber protein kepada penduduk Kampung Jaya.

- A Penduduk Kampung Jaya mudah mendapat sumber protein daripada sungai yang berhampiran.
- B Di samping kemudahan pengangkutan di sungai, penduduk Kampung Jaya mendapat sumber protein dengan mudah.
- C Penduduk Kampung Jaya bukan sahaja menggunakan sungai untuk kemudahan pengangkutan, malahan mereka mendapat sumber protein daripada sungai itu.
- D Kemudahan pengangkutan memang berguna kepada penduduk Kampung Jaya, terutamanya bagi mereka yang membekalkan sumber protein di sungai.

33. "Sesiapa yang mempunyai kemasukan, sila kemukakan soalan anda sekarang," kata Cikgu Tan kepada para peserta setelah taklimat itu selesai.

- A Cikgu Tan menyuruh sesiapa sahaja mengemukakan soalan sebaik-baik sahaja taklimat itu berakhir.
- B Para peserta mengemukakan soalan tentang kemasukan yang dihadapi kepada Cikgu Tan setelah taklimat itu tamat.
- C Menurut Cikgu Tan, para peserta dibenarkan untuk mengemukakan soalan tentang kemasukan yang dihadapi setelah taklimat itu selesai.

- D Sesudah taklimat itu berakhir, Cikgu Tan meminta para peserta mengemukakan soalan sekiranya mempunyai kemasukan.

34. Kursus keusahawanan yang berlangsung selama enam bulan itu disertai oleh tiga puluh orang mahasiswa yang terdiri daripada pelbagai jurusan.

- A Tiga puluh orang mahasiswa menghadiri kursus keusahawanan yang berlangsung selama enam bulan untuk pelbagai jurusan.
- B Tiga puluh orang mahasiswa yang terdiri daripada pelbagai jurusan, menghadiri kursus keusahawanan yang akan berlangsung selama enam bulan.
- C Tiga puluh orang mahasiswa yang terdiri daripada pelbagai jurusan, menghadiri kursus keusahawanan selama enam bulan.
- D Tiga puluh orang mahasiswa menghadiri kursus keusahawanan enam bulan yang terdiri daripada pelbagai jurusan.

35. Sebagai warisan budaya yang tidak ternilai harganya, permainan tradisional wajar diketengahkan agar tidak pupus ditelan zaman.

- A Permainan tradisional yang tidak pupus ditelan zaman wajar diketengahkan kerana merupakan warisan budaya yang tidak ternilai harganya.
- B Antara warisan budaya yang tidak pupus ditelan zaman dan warisan budaya yang tidak ternilai harganya ialah permainan tradisional.
- C Permainan tradisional wajar diketengahkan kerana tidak pupus ditelan zaman, tambahan pula permainan ini warisan budaya yang tidak ternilai harganya.
- D Supaya tidak pupus ditelan zaman, permainan tradisional wajar diketengahkan kerana permainan ini warisan budaya yang tidak ternilai harganya.

Soalan 36 – 40

Pilih peribahasa yang **paling sesuai**.

36. Lelaki itu telah didapati bersalah kerana menggunakan wang syarikat untuk urusan peribadi. Sikapnya itu dapat diumpamakan

- A si buta kehilangan tongkat.
- B harapkan pagar, pagar makan padi.
- C marahkan nyamuk, kelambu dibakar.
- D menegakkan benang yang basah.



37. Encik Mansur telah menutup cawangan perniagaannya di negara jiran kerana tidak mahu menanggung kerugian yang lebih besar. Tindakan ini dikatakan
- A biar titik jangan tumpah.
B nasi sudah menjadi bubur.
C sudah terhantuk baru tengadah.
D ukur baju di badan sendiri.
38. Farizah sangat gembira apabila kakaknya menghadiahkan sebuah komputer yang diidam-idamkannya selama ini, bak kata peribahasa
- A si buta mendapat tongkat.
B orang mengantuk disorongkan bantal.
C beri betis hendak paha.
D pucuk dicita ulam mendatang.
39. Peribahasa yang berikut bermaksud perbuatan yang sia-sia, **kecuali**
- A bagi air titik ke batu.
B embun di hujung rumput.
C mencurahkan garam ke laut.
D seperti hujan jatuh ke pasir.
40. Peribahasa yang berikut berkaitan dengan amalan hidup bermasyarakat, **kecuali**
- A bagi aur dengan tebing.
B ringan sama dijinjing, berat sama dipikul.
C carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga.
D ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni.

BAHAGIAN B Objektif Pelbagai Bentuk

KESALAHAN EJAAN

1. Dalam ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Lelaki yang bermisai tebal itu penguatkuasa yang tegas dan amanah dalam melaksanakan tugas.

(ii) Semua murid di sekolah itu digalakan untuk menyertai pertandingan melukis poster bersempena dengan sambutan Bulan Kebangsaan.

(iii) Ayah meneliti plan lokasi ke rumah pengantin itu supaya tidak sesat.

2. Dalam petikan di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Tumbuhan pegaga pernah disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia sebagai herba yang paling berhasiat. Pegaga tumbuh meliar di kawasan yang lembap, seperti di talair. Pegaga kaya dengan vitamin dan logam serta mengandungi protin, lemak, dan karbohidrat.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____



3. Dalam ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan**. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Orang yang mencintai ilmu akan memperoleh banyak manfaat.

(ii) Lanskap di taman rekreasi yang baru dibuka itu sungguh menarik.

(iii) Syarikat kecantikan itu telah mempopularkan produk mereka dengan menaja program realiti televisyen.

KESALAHAN BAHASA

1. Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan**. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) "Kita tidak dapat menyertai latihan bola sepak pada petang ini," kata Halim dan Gunalan kepada ketua pasukan.

(ii) Mereka sedang membincangkan tentang keburukan tabiat merokok dalam kalangan remaja.

(iii) Puan Seroja membawa kedua anaknya ke pasar raya untuk membeli pakaian dan kelengkapan sekolah.

2. Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan**. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Guru besar-guru besar seluruh daerah dikehendaki menghadiri mesyuarat di bangunan Jabatan Pendidikan Negeri esok.

(ii) Laila suka menanam pokok bunga selain daripada memasak dan menjahit.

(iii) Buku rujukan yang saya pinjam dari perpustakaan sekolah saya sudah pulangkan.

3. Dalam petikan di bawah, terdapat **tiga kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan**. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Dari Jalan Sekayu, Amira hendak ke hospital demi untuk melawat rakannya yang sakit. Dia membekok ke kanan dan berjalan sehingga tiba di simpang ketiga-tiga. Dia meneruskan perjalanan sementara dia tiba di hospital yang berada di sebelah kirinya.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

SINTAKSIS

1. Tentukan subjek dan predikat bagi ayat-ayat di bawah.

- (i) Camelia tekun menjalani latihan badminton bersama-sama rakannya.

Subjek: _____

Predikat: _____

- (ii) Pemuda yang tinggi lampai itu abang sepupu saya.

Subjek: _____

Predikat: _____

- (iii) Anak sulung peguam itu berjaya mencapai cita-citanya menjadi doktor.

Subjek: _____

Predikat: _____

- (iv) Halus sekali hasil anyaman wanita tua itu.

Subjek: _____

Predikat: _____

- (v) Sebuah bas yang membawa sekumpulan pelancong asing tiba di kawasan peranginan itu.

Subjek: _____

Predikat: _____

2. Tukar ayat aktif di bawah kepada ayat pasif.

- (i) Saya telah memasak nasi dan lauk ikan untuk ayah.

- (ii) Beberapa orang pekerja sedang menebas semak samun di kiri dan di kanan jalan raya itu.

- (iii) Hakim telah menjatuhkan hukuman penjara terhadap pemandu yang menyebabkan kematian seorang wanita.

- (iv) Pihak kerajaan akan memberikan ganjaran kepada setiap atlet yang berjaya mengharumkan nama negara.



- (v) Cikgu Hafizah menghadiah pelajar itu sebuah buku setelah berjaya memperoleh keputusan cemerlang dalam ujian.
-

3. Cerakinkan ayat-ayat majmuk di bawah supaya menjadi dua ayat tunggal tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Gadis yang berambut panjang itu anak buah Puan Kamilah.

(a) _____

(b) _____

- (ii) Meskipun sibuk dengan kerjanya, ayah masih sempat beriadah di sekitar Tasik Putrajaya.

(a) _____

(b) _____

- (iii) Mereka bekerja dengan rajin agar dapat meningkatkan taraf ekonomi keluarga mereka.

(a) _____

(b) _____

- (iv) Kanak-kanak itu menangis apabila terjatuh dari buaian.

(a) _____

(b) _____


- (v) Kanjana Kaur dan Lim Mee Yen akan bertanding dalam kejohanan memanah peringkat kebangsaan.

(a) _____

(b) _____

PERIBAHASA

- 1.** Lihat bahan di bawah. Berdasarkan bahan tersebut, tulis **dua** peribahasa yang sesuai.



(i) _____

(ii) _____

2. Lihat bahan di bawah. Berdasarkan bahan tersebut, tulis **dua** peribahasa yang sesuai.



(i) _____

(ii) _____

3. Lihat bahan di bawah. Berdasarkan bahan tersebut, tulis **dua** peribahasa yang sesuai.



(i) _____

(ii) _____



PEMAHAMAN

BAHAGIAN A *Pemahaman Petikan*

PUISI TRADISIONAL

Syair Burung Nuri

Soalan 1 – 5

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- | | |
|--|--|
| <p>1 Bermula warkah surat rencana,
Ikatan fakir yang sangat hina,
Sajak dan nazam banyak tak kena,
Daripada pendapat kurang sempurna.</p> <p>2 Gerangan sungguh amatlah leta,
Perinya akal gelap-gelita,
Hemat pun rendah daif berserta,
Tambahkan badan miskin dan nista.</p> <p>3 Beribu ampun kiranya tuan,
Atasnya hulu fakir nistawan,
Daripada masyghul gundah merawan,
Terperilah madah patik nin tuan.</p> <p>4 Dituliskan sahifah supaya nyata,
Barang yang ghairah di dalam cinta,
Terfikir-fikir bukan menderita,
Dakwat dan kertas tempat berkata.</p> | <p>5 Sudahlah nasib untung yang malang,
Mengambah lautan berulang-ulang,
Mudaratnya bukan lagi kepalang,
Senantiasa di dalam nasib dan walang.</p> <p>6 Hanyutlah badan ke sana ke mari,
Segenap pesisir desa negeri,
Bertambahlah pula sopan dan negeri,
Santap nan tidak minum pun kari.</p> <p>7 Bangun terjunun badan suatu,
Gundahlah fikir tiada tertentu,
Laksana cermin jatuh ke batu,
Remuk dan redam hancur di situ.</p> <p>8 Remuk dan redam rasanya hati,
Lenyaplah fikir budi pekerti,
Jikalau kiranya hamba turuti,
Daripada hidup sebaiknya mati.</p> |
|--|--|

(Dipetik daripada antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

1. Mengapakah penyair meminta maaf?
 - A Menulis nasihat dengan menggunakan dakwat di atas kertas
 - B Memberikan nasihat walaupun hidup dalam kemiskinan
 - C Jika nasihat dan pedoman yang disampaikan menggores perasaan sesiapa
 - D Memberikan nasihat untuk golongan tertentu sahaja

2. Apakah maksud rangkap ketujuh syair?
 - A Kehidupan penyair terumbang-ambing tanpa hala tuju.
 - B Penyair sedar bahawa kesedihan dan kekecewaan dapat menyebabkan hidupnya musnah.
 - C Penyair menjelaskan bahawa fikirannya tidak waras apabila berada dalam keadaan kecewa.
 - D Penyair menyatakan kesedihannya kerana kehidupannya miskin dan dipandang hina.

3. Nilai yang berikut terdapat dalam syair di atas, **kecuali**
 - A rasional.
 - B keberanian.
 - C hemah tinggi.
 - D keadilan.

4. Pilih baris syair yang menggunakan gaya bahasa inversi.
 - A Dituliskan sahifah supaya nyata
 - B Laksana cermin jatuh ke batu
 - C Dakwat dan kertas tempat berkata
 - D Daripada pendapat kurang sempurna

5. Antara yang berikut, apakah pengajaran yang terdapat dalam petikan syair ini?
 - A Kita hendaklah bersikap hemah tinggi dalam kehidupan seharian.
 - B Kita haruslah bergantung pada bantuan orang lain ketika berada di perantauan.
 - C Kita haruslah menjaga kebajikan orang lain ketika berada di perantauan.
 - D Kita tidak perlu berpegang pada adab dan adat ketika berada di perantauan.

Seloka Santap Istiadat

Soalan 6 – 10

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- | | |
|---|--|
| 1 Santap beradat, santap istiadat,
Santap raja di majlis kebesaran,
Santap merai, hormat-menghormat;
Bukan santap hendakkan kenyang,
Santap santun dengan aturan. | 3 Santap nasi suap pertama,
Berturut dengan suap kedua;
Dua suap, ketiga sudah,
Keempatnya basuh tangan;
Kelima halwa juadah,
Keenam mengiring buah-buahan. |
| 2 Nasi disuap di tangan kanan,
Lauk dibinjat sopan siuman,
Sampai ke mulut mamah perlahan,
Tanda tidak gelojoh makan.
Selesai santap nasi –
Diiringkan seteguk minuman,
Isyarat menghormat, mulia-memuliakan. | 4 Ketujuh berkumur-kumur,
Ke delapan makan sirih;
Kelat jatuh ke rengkungan,
Seri naik ke peroman. |
| | 5 Itulah santap beradat kebesaran
Di dalam riwayat zaman yang silam. |

(Dipetik daripada antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- | | |
|---|---|
| 6. Apakah tujuan santap istiadat diadakan?
A Untuk makan dengan kenyang
B Untuk meraikan tetamu yang kelaparan
C Untuk makan makanan yang pelbagai jenis
D Untuk meraikan tetamu kehormat | C Kita haruslah menghormati tuan rumah dan tetamu lain semasa menikmati jamuan.
D Kita haruslah menjaga pemakanan supaya terhindar daripada masalah kesihatan. |
| 7. Tatacara makan yang beradab sopan selepas menyuap nasi adalah
A makan sirih.
B berkumur-kumur.
C membasuh tangan.
D makan halwa dan buah-buahan. | <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; display: inline-block;">Santap beradat, santap istiadat</div> |
| 8. Pilih pengajaran yang tidak terdapat dalam seloka tersebut.
A Kita wajarlah mematuhi adab dan peraturan dalam majlis.
B Kita mestilah bersopan dan beradab semasa makan dan minum dalam sesuatu majlis. | 9. Gaya bahasa yang digunakan dalam baris di atas ialah
A repetisi. C metafora.
B anafora. D hiperbola. |
| | 10. Yang berikut ialah juadah yang dihidangkan dalam santap istiadat, kecuali
A sirih.
B keropok.
C halwa.
D buah-buahan. |



PUISI MODEN

Kijang yang Lelah

Soalan 11 – 15

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- | | |
|---|--|
| <p>1 Suara nyaringnya tidak lagi gah bergema
Ketika temulang kudratnya bergetar di tengah rimba
Dia tidak lagi mampu menobat takhta
Mengorak telapak di tanah menghijau.</p> <p>2 Saat itu
Sebak menyentap dahan kalbu
Dedaun resah mula berguguran
Pepohon batin akhirnya tumbang
Akarnya menguncup di perdu harap.</p> <p>3 Hari ini
Dia cuba bangkit dengan kekuatan kaki
Menghambat waktu yang bersisa
Walau dalam jera lelah
<i>Seakan dibelenggu</i> setiap inci jiwa raga.</p> | <p>4 Bimbang tersadung akar dan jerat
Sang kijang lebih berhati-hati menapak
Meski dalam peribadi yang keruh
Diredah belantara yang mula teduh
Nun jauh di batas nuraninya
Dia tetap menjinjing tekad dan tabah
terus mengorak penuh berhemah
dengan akal dan hati
dia tidak lagi gundah
menyusun gerak dan langkah.</p> |
|---|--|
- (Dipetik daripada antologi *Bintang Hati*,
Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan
Malaysia)

- 11.** Mengapakah kijang berasa sedih?
- A** Terkena penyakit yang sukar disembuhkan
 - B** Binatang lain di dalam hutan tidak menghormatinya lagi
 - C** Mengenangkan nasibnya yang makin tua dan akan mati tidak lama lagi
 - D** Kesukaran untuk mendapatkan makanan
- 12.** Maksud rangkai kata *seakan dibelenggu* dalam petikan ialah
- A** seperti ditawan.
 - B** umpama dibiarkan.
 - C** seperti dihalang.
 - D** umpama ditangkap.
- 13.** Apakah tema sajak tersebut?
- A** Kesukaran dan keperitan kijang tua menghadapi kehidupan ketika menghabiskan sisa hidupnya
 - B** Kekentalan mental dan fizikal ketika menghadapi pelbagai cabaran hidup
 - C** Realiti kehidupan apabila meniti usia tua
 - D** Berhati-hati ketika menjalani kehidupan
- 14.** Yang berikut ialah gaya bahasa metafora berdasarkan sajak *Kijang yang Lelah*, **kecuali**
- A** tengah rimba.
 - B** perdu harap.
 - C** dahan kalbu.
 - D** batas nuraninya.
- 15.** Apakah sikap kijang yang wajar dicontohi?
- A** Resah memikirkan sisa kehidupan
 - B** Tidak berasa tenteram pada setiap masa
 - C** Terburu-buru ketika melakukan sesuatu tindakan
 - D** Melakukan kerja-kerja bermanfaat walaupun kepenatan

Pesan Ibu Beribu-ribu

Soalan 16 – 20

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- | | |
|---|---|
| <p>1 Kita ada ibu
ibu kita satu
pesanannya beribu-ribu.</p> <p>2 Setiap langkah kita diiringi pesanan ibu
“Buat begini jangan begitu
bacalah buku selalu
kukuhkan diri dengan ilmu
pilihlah kawan yang mulia hati
tolaklah kawan pementing diri
pilihlah kawan yang punya petunjuk
tolaklah kawan bertabiat buruk.”
Ibu yang satu menyekat kita di pintu
bertanya ke mana arah tuju
“Jagalah diri selalu
di luar sana mungkin bencana menunggu.”
Kita menjadi jemu
mendengar pesanan beribu-ribu
tapi ibu tetap ibu
pesanan bertambah satu dan satu
“Jangan dibiar kepala berkutu
carilah ubat jerawat batu.”</p> <p>3 Suatu senja
seorang temanku merintih
kerana kehilangan kekasih
kini baru disedarinya</p> | <p>pilihan musang berbulu arnab
biarpun menyamar cekap
ada masa termasuk perangkap
Si Bedul sudah ditangkap
Si Bedul di dalam lokap.</p> <p>4 Dia menyatakan kesalnya
kerana dia alpa
ibunya berpesan sejak dulu
“Pilihlah kawan yang bermutu
Jangan dipilih kawan berhantu.”
Mengenangkan nasib temanku itu
aku merindui pesanan ibu.
Ya, pesanan ibu.</p> <p>5 Ibu,
kuyakini kau mengenali
yang mana permata, yang mana kaca
yang mana budaya, yang mana buaya
berilah pesanan beribu-ribu
malah berpuluh ribu
aku tidak akan jemu
ini janjiku kerana aku tahu
sempurna seorang ibu
dengan pesanan beribu-ribu.</p> |
|---|---|

(Dipetik daripada antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- 16.** Mengapakah penyajak berasa jemu?
- A** Tidak dibenarkan keluar dari rumah oleh ibunya
 - B** Diarahkan oleh ibunya untuk membaca buku selalu
 - C** Mendengar pesanan yang banyak daripada ibunya
 - D** Mempunyai kawan yang berperangai buruk
- 17.** Kawan penyajak menyesal kerana
- A** kekasihnya penipu.
 - B** mengabaikan pesanan ibunya.
 - C** membiarkan kepalanya berkutu.
 - D** tidak mencari ubat jerawat batu yang dialaminya.
- 18.** Yang berikut merupakan ciri-ciri kawan yang perlu dipilih berdasarkan nasihat ibu, **kecuali**
- A** memilih kawan yang mementingkan diri sendiri.
 - B** memilih kawan yang berhati mulia.
 - C** memilih kawan yang membimbing ke arah kebaikan.
 - D** memilih kawan yang tidak bertabiat buruk.
- 19.** Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang rangkap ketiga sajak?
- A** Kawan penyajak merintih kerana kekasihnya meninggal dunia
 - B** Kawan penyajak merintih kerana tersilap memilih kekasih
 - C** Kawan penyajak berasa sedih kerana dipukul oleh kekasihnya
 - D** Kawan penyajak kecewa kerana cintanya tidak diterima oleh ibu bapanya
- 20.** Pilih pernyataan yang **bukan** pengajaran daripada sajak tersebut.
- A** Kita haruslah menjaga kebersihan diri.
 - B** Kita hendaklah rajin menuntut ilmu.
 - C** Kita haruslah bijak dalam memilih sahabat.
 - D** Kita hendaklah menjaga ibu kita dengan kasih sayang.



Senja di Palang Besi

Soalan 21 – 25

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- | | |
|---|---|
| <p>1 Senja mula menangis
remang membongkar sendu
mengutus kuntum-kuntum serakan cahaya
berlari di celah jambangan bunga dedawai
menari mengikat ramah kekosongan
dalam kotak tidur sepi nan pedar hati.</p> <p>2 Pilu wajahmu sang senja
<i>yang dulu melakar bahagia</i>
kini merayap sayu membelai jemari malam
dalam keterbuangan yang merangkum
dalam keterasingan yang mencengkam
dalam kesakitan yang membungkam.</p> | <p>3 Tanpa pasir pantai atau silir angin
rentet susun bibir palang besi dingin itu
menjerut resah bertelesku dalam hening
bernyanyi rakus dalam kelu rasa keterkongkongan
menghantar pergi erti keriuhan
jauh di balik redup senja yang mula mengundurkan diri
bersama riak samudera jiwa bernama kesunyian
hukuman terhebat hikayat kemanusiaan.</p> |
|---|---|

(Dipetik daripada antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- | | |
|---|---|
| <p>21. Berdasarkan rangkap pertama, apakah yang dilakukan oleh penyajak?</p> <p>A Menari di dalam sel penjara
B Tidur pada waktu senja di dalam sel penjara
C Berlari di celah-celah jambangan bunga di luar sel penjara
D Melihat sinaran matahari yang semakin suram pada waktu senja melalui celah-celah lubang sel penjara</p> <p>22. Berdasarkan sajak, rangkai kata <i>yang dulu melakar bahagia</i> bermaksud</p> <p>A kebahagiaan yang diperoleh banduan di dalam penjara.
B kecekapan banduan yang pandai melukis.
C keperitan hidup banduan di dalam penjara.
D kehidupan banduan yang dahulunya bahagia.</p> | <p>23. Contoh penggunaan gaya bahasa personifikasi yang terdapat dalam sajak ialah</p> <p>A senja yang mula mengundurkan diri.
B keterasingan yang mencengkam.
C samudera jiwa bernama kesunyian.
D kelu rasa keterkongkongan.</p> <p>24. Apakah nada sajak <i>Senja di Palang Besi</i>?</p> <p>A Sinis C Melankolik
B Patriotik D Romantis</p> <p>25. Apakah mesej penulis melalui sajak ini?</p> <p>A Kehidupan seorang banduan yang terancam di dalam penjara
B Keresahan seorang banduan menjalani kehidupan seorang diri di dalam penjara
C Keinsafan dan kesunyian seorang banduan yang tinggal di dalam penjara
D Kegembiraan seorang banduan yang sedang menunggu masa untuk dibebaskan</p> |
|---|---|

Bintang

Soalan 26 – 30

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- | | |
|--|--|
| <p>1 Suatu malam aku duduk di halaman rumah kulihat cantiknya bintang-bintang menghias langit yang terbentang aku ingin terbang ke sana membawa pulang bintang-bintang tentu ibu gembira tentu ayah bahagia melihat rumah ini penuh dengan cahaya.</p> | <p>2 Tetapi kata ibu itu tidak perlu <i>ayah sudah ada bintang</i> begitu juga ibu rumah sudah bercahaya begitu juga jiwa mereka bintang itu adalah aku bintang hati ayah dan ibu.</p> |
|--|--|

(Dipetik daripada antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)



26. Mengapakah penyajak berhasrat untuk terbang ke langit?
- A Melihat kecantikan bintang-bintang
 - B Duduk di langit yang terbentang bersama ibu bapanya
 - C Membawa ibu bapanya untuk memetik bintang-bintang
 - D Mengambil bintang-bintang lalu membawa bintang-bintang itu ke rumahnya
27. Berdasarkan sajak, rangkai kata *ayah sudah ada bintang* merujuk kepada
- A anaknya. C isterinya.
 - B rumahnya. D pekerjaannya.
28. Berdasarkan sajak, rumah penyajak sudah bercahaya kerana
- A diterangi lampu elektrik.
 - B bintang-bintang menerangi rumah.
 - C lampu pelita diletakkan di sekeliling rumah.
 - D penyajak sebagai anak sudah memberikan cahaya kepada ibu bapanya.

29. Nilai yang berikut terdapat dalam sajak tersebut, **kecuali**
- A baik hati.
 - B kasih sayang.
 - C kesederhanaan.
 - D hormat-menghormati.

tentu ibu gembira
tentu ayah bahagia

30. Nyatakan gaya bahasa yang digunakan dalam baris sajak di atas.
- A Epifora
 - B Anafora
 - C Metafora
 - D Inversi

PROSA TRADISIONAL

Bahagia Sesudah Derita

Soalan 31 – 35

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Maka Miskin pun hairanlah akan dirinya sebab bertuah untungnya maka boleh diberi orang pasar berbagai-bagai jenisnya. Adapun tatkala akan dahulu jangankan diberinya, hampir pun tiada boleh, dilemparnya dengan batu dan kayu. Setelah sudah fikir demikian itu maka ia pun kembalilah mendapatkan bininya. Maka segala buah-buahan dan makanan dan kain baju itu pun ditunjukkan kepada bininya seraya berceterakan halnya tatkala di pasar itu.

Maka bininya pun menangis tiada makan jikalau tiada buah mempelam yang dalam taman raja itu. Maka bininya pun berkata, "Biarlah aku mati sekali."

Maka terlalulah *sebal hati* suaminya melihatkan laku bininya seperti orang hendak mati rupanya tiada berdaya lagi. Maka suaminya pun pergilah menghadap Maharaja Indera Dewa itu. Maka baginda pun sedang dihadap oleh segala anak raja-raja. Maka Miskin pun sampailah ia lalu masuk ke dalam sekali.

Maka titah baginda, "Hai, Miskin, apa kehendakmu?"

Maka Miskin pun sujud kepalanya lalu ke tanah sembahnya, "Ya Tuanku beribu-ribu ampun, jikalau ada kurnia Duli Yang Dipertua akan patik yang hina ini, patik hendak memohon akan mempelam Duli Syah Alam yang gugur barang sebiji."

Maka titah baginda kepada hambanya, "Pergilah engkau ambilkan buah mempelam itu barang setangkai kepada Miskin."

Dipetik daripada 'Bahagia Sesudah Derita', antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia



- 31.** Bagaimanakah keadaan Miskin pada waktu dahulu?
- A** Bersedih kerana isterinya mati
 - B** Bertugas dengan cemerlang di taman raja
 - C** Dilempar dengan batu dan kayu oleh penduduk
 - D** Bertuah kerana diberikan pakaian dan pelbagai jenis makanan oleh penduduk
- 32.** Mengapakah isteri Miskin menyatakan bahawa dia ingin mati?
- A** Tidak sanggup melihat penderitaan Miskin
 - B** Dilempari batu dan kayu oleh penduduk
 - C** Tidak dapat makan mempelam yang diidamkannya
 - D** Tidak diizinkan menghadap Maharaja Indera Dewa
- 33.** Maksud rangkai kata *sebal hati* dalam petikan ialah
- A** berasa kesal.
 - B** berasa marah.
 - C** berasa sedih.
 - D** berasa malu.
- 34.** Perwatakan Maharaja Indera Angkasa berdasarkan petikan ialah
- A** adil.
 - B** sopan.
 - C** pemurah.
 - D** berdikari.
- 35.** Pilih latar tempat yang **tidak** terdapat dalam petikan tersebut.
- A** Pasar
 - B** Istana Maharaja Indera Dewa
 - C** Tempat tinggal Miskin dan isterinya
 - D** Kebun Miskin dan isterinya

PROSA MODEN

Cerpen

Legasi Tapai Ubi

Soalan 36 – 40

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Ah, betapa bahayanya penyakit kanser! Getus hati kecilku. Maka peluang yang diberikan oleh Profesor Haidar merupakan peluang terbaik aku untuk berbakti kepada manusia sejagat. Jika benar tapai ubi berhasil mencegah penyakit kanser, kejayaannya merupakan sumbanganku kepada tamadun manusia. Aku tidak perlu menjaya nama atas kejayaan itu. Yang penting aku mahu menyumbangkan sesuatu.

Alangkah senangnya hatiku apabila mengetahui tapai ubi menghasilkan sejenis bakteria yang sangat bermanfaat kepada manusia. Bakteria inilah yang didapati berkemampuan mencegah kanser. Jadi, berkemungkinan nanti pemakanan tapai ubi dapat mengurangkan risiko penyakit kanser dalam kalangan manusia. Aku dan rakan-rakan kajian telah berjaya mengasingkan bakteriosin yang dinamakan *bakteriosin UL4* yang dihasilkan oleh *Lactobacillus planetarium UL4*, iaitu sejenis bakteria asid laktik.

Dipetik daripada 'Legasi Tapai Ubi', antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia

- 36.** Mengapakah penulis berasa gembira?
- A** Berjaya mengasingkan bakteriosin yang terdapat dalam tapai ubi
 - B** Mendapat peluang terbaik untuk berbakti kepada manusia sejagat
 - C** Mengetahui tapai ubi dapat menghasilkan sejenis bakteria yang sangat bermanfaat kepada manusia
 - D** Namanya terkenal atas kejayaannya membuat kajian tentang peranan tapai dalam mencegah penyakit kanser
- Ah, betapa bahayanya penyakit kanser!
Getus hati kecilku.
- 37.** Apakah teknik plot yang digunakan dalam petikan cerpen di atas?
- A** Monolog
 - B** Imbas kembali
 - C** Saspen
 - D** Monolog dalam
- 38.** Nilai yang berikut terdapat dalam petikan cerpen tersebut, **kecuali**
- A** kerajinan.
 - B** kerjasama.
 - C** keprihatinan.
 - D** hormat-menghormati.



39. Tema cerpen ini ialah

- A ketelitian melakukan sesuatu pekerjaan.
- B ketaatan seorang anak kepada ibu bapanya.
- C membala jasa dan pengorbanan ibu bapa.
- D kegigihan dan kecekalan seorang anak pengusaha tapai ubi yang ingin membuktikan bahawa tapai ubi merupakan penawar penyakit.

40. Aku tidak perlu menjaja nama atas kejayaan itu.

Peribahasa yang sesuai dengan ayat di atas ialah

- A merendah diri.
- B mendabik dada.
- C tunjuk taring.
- D petik jari.

Sekeping Tanah

Soalan 41 – 45

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

"Kak Halimah terasa rimas, dia duduk di rumah pusaka, tanah itu pun belum selesai. Dia bimbang kalau dia mati nanti, anak-anaknya pula tinggal di situ. Nanti anak-anak saya, anak-anak abang akan persoalkan. Itu tanah pusaka, mana boleh main milik begitu saja?" Hisyam memandang wajah abangnya.

"Sebab itu aku kata jualkan saja. Habis cerita. Aku dua bahagian, kamu dua bahagian, Halimah satu bahagian. Itu hukum faraid." Harun memandang dalam-dalam ke wajah adiknya.

"Kita boleh majukan bang. Syer dikira peratus ikut hukum faraid juga. Syer itu akan turun nanti kepada anak-anak kita. Juga ikut hukum. Lalu tanah itu tidak *bertukar tangan*."

"Aku dah dengar cadangan kamu itu. Aku tak setuju. Payah."

"Memang payah sikit, bang. Tapi ..."

"Tapi apa? Tak usahlah kamu duk perah otak kamu yang hanya pemandu teksi itu. Tak sampai ke mana pun."

"Saya sedar bang, saya tak ada kelulusan tinggi. Tapi saya tahu pandang masa hadapan, bang."

"Kamu cakap saja pandai. Tapi buat tak tahu."

"Benar, bang. Saya tak tahu, tetapi Kak Halimah ada kelulusan bang. Dia boleh uruskan harta itu dengan baik, bang."

"Tak payah susah-susah, Syam. Jualkan saja. Berjuta-juta harga tanah ayah tu."

"Kalau tanah tu jadi wang, wang tak akan kekal. Sebanyak manapun wang, wang akan habis." Mata Hisyam tertancap pada wajah Harun.

"Lalu?"

"Saya dah sebut. Saya bercadang nak menubuhkan syarikat. Kita tiga beradik. Bangunkan tanah itu. Buat kondo. Sebahagian kita milik, sebahagian kita jual."

Dipetik daripada 'Sekeping Tanah', antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia

41. Apakah perkara yang dibimbangkan oleh Halimah?

- A Dia akan meninggal dunia
- B Dia tinggal di atas tanah hak milik keluarga
- C Dia tidak dapat mengurus harta keluarga dengan baik
- D Dia tidak mendapat pembahagian wang hasil jualan tanah secara adil

- C Menjual tanah itu dan membahagikan hasil jualan mengikut hukum faraid
- D Menukar hak milik tanah itu kepada nama anak-anak mereka

Saya sedar bang, saya tak ada kelulusan tinggi. Tapi saya tahu pandang masa hadapan, bang.

42. Apakah rancangan Hisyam berkaitan dengan tanah pusaka keluarga mereka?

- A Mbenarkan Halimah dan anak-anaknya terus mendiami rumah pusaka
- B Menubuhkan syarikat keluarga dengan membina kondo di atas tanah itu

43. Berdasarkan petikan di atas, perwatakan Hisyam adalah

- A berwawasan.
- B bersederhana.
- C tegas pendirian.
- D bertanggungjawab.



44. Rangkai kata *bertukar tangan* dalam petikan bermaksud
- A beralih tempat.
B bergabung nama.
C berpindah kuasa.
D berganti rancangan.
45. Yang berikut merupakan latar masyarakat yang terdapat dalam petikan, **kecuali**
- A masyarakat yang bijak merancang masa depan.
B masyarakat yang tidak bersepakat.
C masyarakat yang tidak berpendidikan tinggi.
D masyarakat yang terjebak dalam gejala sosial.

Bawod

Soalan 46 – 50

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Beluntung baru sahaja melangkah turun ke tanah apabila tiba-tiba kilat memancarkan sinarnya. Ibunya menjerit melarangnya turun. Beluntung tercegat di muka pintu memandang Sungai Layong yang tidak lagi nampak tebingnya. Hujan semakin lebat. Angin yang sebentar tadi agak perlahan tiupannya kini mula menerbangkan air hujan dan menggoyangkan pohon-pohon pisang di halaman rumah. Air kelihatan di mana-mana, menenggelamkan rumput.

Beluntung memerhati sekeliling. Dia berasa risau tentang Bawod dan Tuyog yang belum kelihatan lagi. Tanpa menghiraukan jeritan ibunya, dia turun untuk mencari Bawod dan Tuyog. Matahari sudah terbenam dan air semakin naik. Ibunya menjerit lagi menyuruhnya naik. Beluntung melangkah perlahan menuju ke rumah. Dia memandang kecewa ke halaman rumah yang sudah kelihatan seperti tasik kecil. Bawod dan Tuyog tentu sudah mati lemas, fikirnya.

Pagi itu, Beluntung mendahului ayam turun ke tanah. Dia menyuluhan sekeliling dengan lampu picit. Banjir sudah surut. Rumput diselaputi dengan lumpur kuning. Beluntung terlihat ada sesuatu bergerak-gerak menuju ke arahnya. Seekor ular hitam sebesar tali belati menjelir-jelirkannya. Dia cepat-cepat mematikan lampu serentak melompat ke sebelah kiri. Beluntung melangkah cepat meninggalkan tempat itu. Cahaya lampu picit disinarkan lagi. Cahaya itu merayapi kawasan sekitar. Bawod dan Tuyog tidak juga kelihatan.

Dipetik daripada 'Bawod', antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia

46. Mengapa ibu Beluntung menjerit?
- A Tersentak oleh pancaran kilat
B Menegah Beluntung keluar dari rumah
C Terperanjat apabila melihat Beluntung tercegat di muka pintu
D Melihat pokok-pokok pisang bergoyang kerana hujan lebat
47. Beluntung berasa kecewa kerana
- A Bawod dan Tuyog tidak kelihatan.
B ibunya melarangnya turun ke tanah.
C menyangka Bawod dan Tuyog sudah mati lemas.
D melihat halaman rumahnya yang sudah dipenuhi air.
- Dia menyuluhan sekeliling dengan lampu picit.
Banjir sudah surut.
48. Teknik penceritaan yang digunakan dalam petikan di atas ialah
- A pemerian.
B imbas muka.
C monolog.
D imbas kembali.
49. Apakah persoalan yang dikemukakan dalam petikan cerpen tersebut?
- A Kasih sayang manusia terhadap haiwan peliharaan
B Kepatuhan anak terhadap nasihat ibunya
C Ketabahan menghadapi bencana alam
D Kebijaksanaan bertindak ketika menghadapi ancaman
- Beluntung melangkah cepat meninggalkan tempat itu.
50. Berdasarkan pernyataan di atas, apakah bandingan semacam yang sesuai?
- A malas seperti keldai
B besar macam gajah
C pantas seperti kilat
D jernih macam cermin

Drama

Tenang-tenang Air di Tasik

Soalan 51 – 55

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

MUZAMIR : Aktiviti-aktiviti rekreasi sering mendapat sambutan hangat daripada ahli-ahli pertubuhan kami, bang. Tapi, sebelum ini, aktiviti-aktiviti kami hanya berupa perkelahan, hari keluarga, meneroka gua dan mendaki gunung. Kami sering dibawa menikmati keindahan alam.

AZIZI : (*Memegang bahu MUZAMIR*) Maafkan abang. Macam mana Zam dan kawan-kawan menghayati keindahan alam ini, dalam keadaan mata yang tak dapat melihat keindahan itu?

MUZAMIR : Kami menghayati melalui hati kami. Jari-jari yang menyentuh alam yang segar ini akan terus tertancam di hati. (*Tersenyum*).

AZIZI : Dan, inilah kumpulan orang cacat penglihatan pertama yang sampai ke mari. Oh ya, Zam! Punyalah banyak pihak yang menyediakan kemudahan berkayak, kenapa tempat peranginan ini yang menjadi pilihan?

MUZAMIR : Sebenarnya, dulu, rakan-rakan sepejabat saya ada bertandang ke mari untuk ekspedisi berkayak.

AZIZI : Ya? Zam tak ikut serta dengan mereka?

MUZAMIR : Memang saya nak ikut. Tapi mereka pandang remeh keinginan saya. Mereka perkecilkan keupayaan saya.

Dipetik daripada 'Tenang-tenang Air di Tasik', antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia

51. Apakah aktiviti rekreasi yang baru pertama kali disertai oleh Muzamir?
A Hari keluarga
B Berkelah
C Mendaki gunung
D Ekspedisi berkayak
52. Muzamir dan rakan-rakannya menghayati alam sekitar menggunakan
A hati.
B jari.
C mata.
D bantuan pihak lain.
53. Siapakah yang memperkecil keupayaan Muzamir?
A Azizi
B Ahli-ahli pertubuhannya
C Rakan-rakan sepejabatnya
D Pihak yang menyediakan kemudahan berkayak
54. Tema drama *Tenang-Tenang Air di Tasik* ialah
A semangat bekerjasama yang utuh.
B aktiviti lasak mampu meningkatkan keyakinan diri seseorang.
C sikap bertoleransi dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.
D sikap masyarakat yang memandang rendah terhadap golongan kurang upaya.
55. Pilih pernyataan yang **tidak benar** berdasarkan petikan drama.
A Muzamir cacat penglihatan.
B Azizi prihatin akan keadaan Muzamir.
C Muzamir pernah datang ke tempat Azizi bersama rakan-rakan sepejabatnya.
D Muzamir suka menikmati keindahan alam.


BAHAGIAN B Pemahaman Petikan

1. Baca petikan-petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Petikan 1

IBU : Kau ini memang sengaja mencari penyakit. *Tak ada beban, batu digalas.* Mak bukannya apa. Mak bimbang keselamatan kau, Zafar.

MUZAFAR : Mak janganlah bimbang. Bot polis dan bot penyelamat pihak Permai Resort akan mengiringi ekspedisi kami. Mereka akan cepat-cepat bertindak kalau sesuatu berlaku kepada kami.

IBU : Tapi, mak takut mereka hanya menjaga kebijakan orang buta itu saja dan mengabaikan keselamatan kau. Emak ini hanya ada engkau saja Zafar. Kaulah jantung hati emak.

Dipetik daripada drama 'Tenang-tenang Air di Tasik', antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia

Petikan 2
PESAN IBU BERIBU-RIBU

- | | | | |
|---|--|--|---|
| 1 | Kita ada ibu
ibu kita satu
pesannya beribu-ribu. | kini baru disedarinya
pilihan musang berbulu arnab
biarpun menyamar cekap
ada masa termasuk perangkap
Si Bedul sudah ditangkap
Si Bedul di dalam lokap. | |
| 2 | Setiap langkah kita diiringi pesanan ibu
"Buat begini jangan begitu
bacalah buku selalu
kukuhkan diri dengan ilmu
pilihlah kawan yang mulia hati
tolaklah kawan pementing diri
pilihlah kawan yang punya petunjuk
tolaklah kawan bertabiat buruk."
Ibu yang satu menyekat kita di pintu
bertanya ke mana arah tuju
"Jagalah diri selalu
di luar sana mungkin bencana menunggu."
Kita menjadi jemu
mendengar pesanan beribu-ribu
tapi ibu tetap ibu
pesanan bertambah satu dan satu
"Jangan dibiarkan kepala berkutu
carilah ubat jerawat batu." | 4 | Dia menyatakan kesalnya
kerana dia alpa
ibunya berpesan sejak dulu
"Pilihlah kawan yang bermutu
Jangan dipilih kawan berhantu."
Mengenangkan nasib temanku itu
aku merindui pesanan ibu.
Ya, pesanan ibu. |
| 3 | Suatu senja
seorang temanku merintih
kerana kehilangan kekasih | 5 | Ibu,
kuyakini kau mengenali
yang mana permata, yang mana kaca
yang mana budaya, yang mana buaya
berilah pesanan beribu-ribu
malah berpuluhan ribu
aku tidak akan jemu
ini janjiku kerana aku tahu
sempurna seorang ibu
dengan pesanan beribu-ribu. |

Dipetik daripada antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia



- (i) Berdasarkan Petikan 1, jelaskan maksud peribahasa *tak ada beban, batu digalas*.

- (ii) Nyatakan **dua** nilai yang sama yang terdapat dalam kedua-dua petikan tersebut.

- (iii) Setiap anak haruslah membala jasa dan pengorbanan ibu bapa yang telah membesarinya.

Pada pendapat anda, apakah yang perlu dilakukan oleh seseorang anak untuk membala jasa dan pengorbanan ibu bapanya?

2. Bacabahan-bahan dibawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Sejarah telah membuktikan bahawa bangsa yang suka membaca dapat membina tamadun bangsa kerana mereka tidak akan menghiraukan perkara yang remeh-temeh seperti bergaduh, mengumpat, dan mencerca. Mereka akan memenuhi masa lapang dengan membaca meskipun ketika berdiri di dalam bas.

Membaca ibarat latihan stamina kepada otak. Ketika membaca, sel-sel otak akan bergerak lalu membolehkan minda menjadi cerdas. Orang yang suka membaca akan memperoleh banyak maklumat. Oleh itu, orang yang suka membaca sangat bijak dan dapat berfikir dengan jelas. Pemikiran yang jelas dapat mengilhamkan idea yang berguna kepada diri sendiri dan masyarakat. Mereka juga mempunyai pandangan yang berbeza terhadap sesuatu perkara kerana lebih matang.

Bahan 2

Jom Membaca 30 minit



Mekar bunga pandang tak jemu,
Ditaruh puteri ke dalam raga;
Buku laksana lautan ilmu,
Dasarnya penuh mutiara berharga.

Cantik sungguh rantai mutiara,
Digayakan pula dengan kebaya;
Marilah sahut seruan negara,
Bangsa membaca bangsa berjaya.

- (i) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan faedah yang diperoleh daripada amalan membaca.



- (ii) Berikan **dua** ciri pantun yang terdapat dalam Bahan 2.

- (iii) Ibu bapa antara pihak yang harus memainkan peranan untuk menggalakkan seseorang mengamalkan budaya membaca.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang wajar dilakukan oleh ibu bapa untuk menggalakkan anak mereka mengamalkan tabiat suka membaca?

BAHAGIAN B Pemahaman Novel

1. Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 3.

- (i) Justeru Impian di Jaring, karya Zaid Akhtar
- (ii) Hempasan Ombak, karya Zailiani Taslim
- (iii) Tawanan Komander Caucasus, karya Ruzaini Yahya
- (iv) Chot, karya Azizi Haji Abdullah

Latar masyarakat ialah gambaran kehidupan masyarakat yang dipaparkan dalam sebuah karya.

Berdasarkan sebuah novel di atas, kemukakan **tiga** contoh peristiwa yang sesuai dengan latar masyarakat yang telah ditetapkan.

Novel	Latar masyarakat
Justeru Impian di Jaring	Masyarakat yang tabah menghadapi cabaran kehidupan
Hempasan Ombak	Masyarakat yang menjalankan perniagaan
Tawanan Komander Caucasus	Masyarakat yang mengamalkan nilai kasih sayang
Chot	Masyarakat yang prihatin akan masalah orang lain

2. Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 3.

- (i) Justeru Impian di Jaring, karya Zaid Akhtar
 - (ii) Hempasan Ombak, karya Zailiani Taslim
 - (iii) Tawanan Komander Caucasus, karya Ruzaini Yahya
 - (iv) Chot, karya Azizi Haji Abdullah

Klimaks ialah puncak ketegangan dalam plot sesebuah cerita.

Berdasarkan sebuah novel di atas, jelaskan klimaks novel tersebut.



PEMINDAHAN MAKLUMAT

BAHAGIAN C

Ringkasan

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **punca-punca kebakaran**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Berita tentang kebakaran kerap disiarkan dalam media tempatan. Tragedi ini amat menakutkan kerana bukan sahaja menyebabkan kerugian dan kemasuhan harta benda malah mengorbankan nyawa manusia.

Punca utama berlaku kebakaran ialah suri rumah cuai ketika memasak. Mereka memasak sambil melakukan kerja lain, malahan ada yang meninggalkan masakan untuk berbual-bual dengan jiran. Perbuatan ini memungkinkan peralatan memasak terbakar lalu mencetuskan kebakaran. Membakar sampah terlalu hampir dengan rumah amat berbahaya. Apabila angin kencang bertiup, percikan api akan membakar apa-apa bahan yang mudah terbakar. Ada pula ibu bapa yang tidak mengawasi anak sehingga tidak sedar bahawa anak mereka bermain bahan yang mudah terbakar seperti mancis, kain, kertas, gas, dan minyak petrol.

Kebakaran juga berlaku di sekolah apabila segelintir murid tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Bomba. Contohnya, banyak sekolah berasrama terbakar kerana murid memasak di dalam bilik. Ada juga murid menggunakan pelita dan lilin di dalam bilik ketika mengulang kaji pelajaran. Asrama mereka pula ada yang dibina daripada kayu yang mudah terbakar.

Kebakaran juga berpunca daripada penggunaan alat elektrik dan pendawaian yang telah melebihi sepuluh tahun. Dalam tempoh tersebut, getah penebat yang menyaluti dawai elektrik mungkin telah hancur kerana sudah terlalu lama atau telah dimakan tikus. Hal yang demikian akan menyebabkan berlaku ketirisan elektrik dan berlaku litar pintas.

Terdapat juga pengguna yang *kurang arif* dalam bidang elektrik, tetapi berani membaiki barang elektrik yang rosak dan menyambung dawai elektrik. Mereka membuat penyambungan elektrik sendiri dan menambah wayar pada satu soket, kononnya untuk mengurangkan bil elektrik. Penggunaan tenaga elektrik dapat dikurangkan dengan cara pengguna menutup semua suis lampu dan peralatan elektrik yang tidak digunakan. Pasang alat pendingin udara yang sesuai dengan keluasan ruang. Sekali-sekala tutup alat pendingin udara supaya berlaku pengaliran udara semula jadi di dalam rumah. Pasang lampu voltan rendah di laluan tangga, koridor, dan stor kerana ruang ini tidak memerlukan cahaya yang terang.

Dipetik dan diubahsuai daripada 'Rahsia Kediaman Jimat Elektrik', Hamidon Abdullah,
Berita Harian, 28 Disember 2018

Ulasan

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam gambar tersebut, tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan.

Langkah Mempopularkan Permainan Tradisional



Kempen Cintai
Permainan Tradisional



Aktiviti Kokurikulum



Pertandingan



Aktiviti Masyarakat
Setempat




KARANGAN

BAHAGIAN A Karangan Respons Terhad

1. Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara **50 hingga 80 patah perkataan**.

Pengalaman Merentas Desa



- 2.** Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara **50 hingga 80 patah perkataan**.


Aku Sebuah Komputer Riba

berjenama – pelbagai kegunaan – plastik dan alat-alat elektronik – daripada beberapa bahagian – dihantar ke kedai – dipamerkan – seorang lelaki – untuk anak remajanya – membuat kerja sekolah – melayari Internet – cermat – bangga dan gembira – berkhidmat dengan baik




BAHAGIAN B Karangan Respons Terbuka

Lihat gambar dan maklumat di bawah dengan teliti. Kemudian pilih satu daripada tiga soalan yang dikemukakan dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.



- mengeratkan hubungan antara pasukan
- mendedahkan pasukan dalam perlawanan
- beriadah bersama keluarga
- menyihatkan badan
- meningkatkan disiplin diri
- mewujudkan kelab atau persatuan sukan



1. Sebuah persatuan sukan sekolah anda berhajat untuk menjemput pasukan di sekolah yang berhampiran untuk mengadakan perlawanan persahabatan.
Sebagai setiausaha persatuan itu, sediakan surat tersebut selengkapnya.
 2. Aktiviti sukan antara kegiatan yang penting kepada kita.
Huraikan kepentingan aktiviti sukan kepada murid.
 3. Kegiatan sukan kurang mendapat sambutan dalam kalangan remaja meskipun memberikan banyak manfaat.
Huraikan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menggalakkan remaja bersukan.
-
-
-
-
-
-

